

27 JUL 2003

Syed Hamid-Penerbangan/I

MALAYSIA-THAILAND KAJI PERKENAL TAMBANG MURAH

LANGKAWI, 27 Julai (Bernama) -- Malaysia dan Thailand bersetuju mengkaji kerjasama bagi memperkenalkan perkhidmatan penerbangan murah antara kedua-dua negara untuk mempromosi aktiviti pelancongan, pergerakan penumpang dan barangan, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Beliau berkata kedua-dua kementerian yang terbabit di Malaysia dan Thailand akan membincangkan lebih lanjut mengenai cara perkhidmatan itu boleh dilaksanakan, seperti membenarkan kebebasan pendaratan kelima terhad.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Thailand Thaksin Shinawatra juga bersetuju supaya Malaysia dan Thailand mengkaji kemungkinan menjalin usaha sama dengan industri pesawat Indonesia, IPTN, untuk mengeluarkan jet serantau.

Syed Hamid berkata demikian selepas rundingan dua hala antara kedua-dua pemimpin itu sempena lawatan kerja dua hari Thaksin ke Langkawi.

"Operasi IPTN sudah ditutup. Tetapi mereka mahu menghidupkan semula industri itu dan telah mengadakan perbincangan dengan kita dan akan berbuat demikian dengan Thailand. Kami berpendapat jika kita bersetuju, kita juga mahu Thailand ikut serta," katanya.

Syed Hamid berkata pesawat CN235 yang dikeluarkan oleh IPTN bagus tetapi pengeluarannya memerlukan modal untuk menghidupkan semula industri itu setelah kerajaan Indonesia mengambil keputusan menutupnya ekoran masalah kewangan.

Beliau berkata lawatan Thaksin sangat berjaya dan kedua-dua pemimpin itu mengadakan perbincangan yang bermakna bagi memperkukuhkan kerjasama perdagangan dan ekonomi.

"Kedua-dua pemimpin bersetuju mengenai perlunya hubungan perdagangan dan ekonomi ditingkatkan, termasuk kemungkinan mewujudkan kemudahan visa bersama serta promosi bersama bagi destinasi pelancongan seperti Phuket dan Langkawi," katanya.

Kedua-dua pemimpin kemudiannya bersetuju bahawa kedua-dua negara wajar bertindak bersepadu dan melihat apa yang dapat Malaysia tawarkan kepada Thailand dan sebaliknya, kata Syed Hamid.

"Timbal balik ini adalah order pada masa ini bagi meningkatkan kerjasama perdagangan dan ekonomi, bagi mengukuhkan pelbagai perkara yang belum selesai termasuk projek lebuhraya dan pusat pemeriksaan," katanya.

Syed Hamid berkata kedua-dua Perdana Menteri berjanji akan menyelesaikan apa sahaja perbezaan yang dihadapi kedua-dua negara bagi memastikan laluan keluar masuk barangan, penumpang dan pengangkutan berjalan lancar menjelang Oktober.

"Malaysia dan Thailand bukan sahaja jiran yang baik malah kawan rapat dan kedua-dua negara saling bergantung dan bersepadu yang diterjemahkan menerusi perlunya kerjasama ekonomi yang lebih rapat," katanya.

Mengulas lanjut mengenai kerjasama di pusat pemeriksaan di sempadan, beliau berkata kedua-dua pemimpin membincangkan isu kerakyataan dua negara rakyat Thailand terutama mereka yang terbabit dalam aktiviti jenayah dan mencari perlindungan di Malaysia.

Syed Hamid berkata Malaysia tidak memperakui dua kerakyataan dan telah meminta Thailand menyediakan senarai nama penjenayah yang disyaki bersembunyi di Malaysia.

Mengenai projek paip gas yang menghubungkan Thailand dan Malaysia, Syed Hamid berkata projek itu berjalan lancar dan bantahan penduduk tempatan di

Selatan Thailand merupakan perkara biasa dan tidak menghalang pelaksanaannya.

Mengenai isu perdamaian di Myanmar, Syed Hamid berkata perkara itu tidak disentuh pada mesyuarat dua hala hari ini namun beliau yakin perkara itu mungkin dibincangkan semasa pertemuan empat mata antara Dr Mahathir dan Thaksin.

Syed Hamid bagaimanapun menegaskan Asean berpendirian bahawa proses perdamaian tidak wajar dilewat-lewatnya dan pembebasan Aung San Su Kyi penting ke arah itu.

-- BERNAMA

ZS LAT